



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 1

Isnin

18 Mei 2020

K A N D U N G A N

DI DEWAN RAKYAT :

**ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KETIGA
MAJLIS PARLIMEN YANG KEEMPAT BELAS** (Halaman 1)

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG** (Halaman 2)

DI DEWAN NEGARA :

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA (Halaman 11)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong
7. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
8. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
9. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
10. “ Dato' Chai Kim Sen
11. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
12. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
13. “ Datuk Haji Husam bin Musa
14. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
15. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
16. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
17. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
18. “ Datuk John Ambrose
19. “ Tuan Kamarudin bin Abdun (Perlis)
20. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
21. “ Datuk Lee Tian Sing
22. “ Tuan Liew Chin Tong
23. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
24. “ Datuk Lim Pay Hen
25. “ Tuan Manolan bin Mohamad
26. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya
27. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim
28. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid
29. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu
30. “ Dr. Radzi bin Jidin [Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi]
31. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
32. “ Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
33. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa

34. Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin
35. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
36. “ Dr. Nuing Jeluing
37. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
38. “ Datuk Paul Igai
39. “ Puan Raj Munni binti Sabu
40. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah
41. “ Datuk Razali bin Idris
42. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
43. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
44. “ Puan Sopiah binti Sharif
45. “ Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh (Selangor)
46. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
47. “ Datuk Theodore Douglas Lind
48. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
49. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy
50. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
51. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
52. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
53. “ YM Tengku Dato’ Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
54. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
55. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
56. “ Dato’ Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Alam Sekitar]
57. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
58. “ Dato’ Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 18 Mei 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.12 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KETIGA
MAJLIS PARLIMEN YANG KEEMPAT BELAS**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen Yang Keempat Belas, Penggal Ketiga yang diadakan bersama di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekarang berlangsung.

Persidangan ini adalah di bawah Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan bertitah kepada Ahli-ahli kedua-dua Majlis Parlimen bersesama.

Sekarang saya tempohkan persidangan buat sementara waktu untuk menyambut keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Persidangan ditempohkan.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 10.15 pagi]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 10.20 pagi]

[Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Dewan Mesyuarat dan bersemayam di Peterana Diraja]

[Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempersembahkan Titah Diraja kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong]

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassolaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiyaa'i Wal Mursaliin. Wa'ala Aalihi Wa Sohbihi Ajma'iin. Rabbish rahli sadri, Wayassirli amri, Wahlul uqdatan min lisaani, Yafqahu qauli.

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur Beta ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala*, kerana telah melimpahkan kurnia dan keizinan-Nya kepada kita semua pada hari ini untuk bersama-sama dalam Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14. Lebih bermakna apabila istiadat ini berlangsung dalam bulan Ramadan, yakni bulan yang penuh keberkatan dan menjadi penghulu kepada sekalian bulan.

Istiadat pada pagi ini diadakan dalam suasana yang agak berbeza daripada norma dan kelazimannya. Ketika ini, negara kita masih lagi dalam usaha memerangi penularan wabak COVID-19 yang telah mula-mula dikesan menjangkiti rakyat Malaysia pada awal bulan Februari yang lalu.

Namun demikian, kita telah menghadapi dan menangani wabak ini dengan bersatu padu sebagai sebuah bangsa Malaysia yang kuat, cekal dan berdisiplin. Dalam saat getir ini, petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan lain-lain agensi yang turut terlibat telah tampil dengan penuh dedikasi yang tinggi menghadapi serangan wabak ini
[Tepuk]

Pengorbanan mereka tidak pernah mengenal erti penat mahupun takut hinggakan nyawa dan keselamatan diri sendiri menjadi taruhan demi menjaga kemaslahatan dan kepentingan orang ramai.

Justeru, sebagai tanda penghargaan negara, marilah bersama-sama dengan Beta untuk berdiri dan memberikan tepukan yang gemuruh kepada semua wira dan wirawati petugas barisan hadapan negara... [*Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan semua Ahli Yang Berhormat berdiri serta memberi tepukan*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 24 Februari 2020 yang lalu, naratif landskap politik negara telah sekali lagi digegarkan menerusi peletakan jawatan Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh. Sekitar jam 5 petang pada hari yang sama, Beta telah berkenan menerima menghadap Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Dalam pertemuan tersebut, Beta telah meminta Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad untuk tidak meletak jawatan. Namun beliau tetap dengan keputusannya. Beta dengan hati yang sedih terpaksa akur dan menghormati keputusan beliau.

Oleh yang demikian, Beta bertanggungjawab untuk melantik seorang Perdana Menteri yang baharu seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan. Perkara 43 memberi kuasa budi bicara kepada Beta untuk melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Beta mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Lantaran itu, pada 25 dan 26 Februari 2020, Beta telah mengadakan sesi pertemuan secara berseorangan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk menilai sendiri sokongan kepercayaan mereka. Seterusnya pada 29 Februari 2020, Beta telah menitahkan semua parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat untuk mencalonkan nama seorang Ahli Dewan Rakyat sebagai bakal Perdana Menteri. Atas permintaan beberapa ketua parti politik, Beta telah berkenan pula untuk melanjutkan tempoh masa bagi parti-parti politik mengemukakan pencalonan mereka agar masa yang cukup diberikan dalam mereka membuat perhitungan secara demokrasi.

Sudah tentu setiap pertandingan pasti akan ada penamatnya. Kemelut politik negara tidak boleh dibiarkan berlarutan dan berpanjangan dengan tanpa ada penghujungnya. Lantaran itu, setelah melalui semua proses tersebut dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Beta telah mendapati Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin telah mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat dan dengan demikian selayaknya dilantik sebagai Perdana Menteri Kelapan.

Sesungguhnya, Beta telah menggalas amanah dengan telus dan adil selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang amalan negara kita [*Tepuk*]

Pada masa yang sama, Beta juga menghargai kematangan dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata yang telah memainkan peranan dengan penuh berhemah dan beretika sehingga membolehkan Beta menggalas amanah ini.

Kepada Kerajaan Beta di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin, Beta menaruh keyakinan bahawa usaha-usaha membawa negara untuk terus mendaki persada kejayaan yang lebih tinggi akan menjadi kenyataan, *insya-Allah*. Nasihat Beta, laksanakan amanah ini dengan jujur dan penuh tanggungjawab, serta jangan sekali-kali mengabaikan kesejahteraan rakyat jelata.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya negara kita sedang berhadapan dengan cabaran daripada pelbagai sudut dan yang terbaru penularan wabak Covid-19. Semua cabaran ini telah memberi kesan kepada Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka. Beta berkeyakinan kerajaan Beta akan terus berusaha mengurangkan kesan buruk kepada rakyat dan negara.

Kedatangan wabak virus Covid-19 yang melanda dunia dan negara, telah turut memberi kesan kepada ekonomi serta kesihatan dan kehidupan rakyat jelata. Belum pernah negara berhadapan dengan wabak yang sebegini serius sebelum ini. Dalam menghadapi wabak ini, fokus utama Kerajaan Beta adalah untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat jelata sentiasa terjamin dan terbela. Ini termasuk dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan membantu membawa pulang rakyat Malaysia yang terperangkap di luar negara.

Beta memahami banyak industri dan perniagaan terjejas akibat wabak ini. Namun, Beta menyeru kepada para majikan untuk tidak membuang pekerja dengan sewenang-wenangnya. Semua pihak hendaklah bersedia melakukan pengorbanan dan juga berusaha menyelamatkan ekonomi negara. Kerajaan Beta juga wajar mencari pendekatan dalam membantu syarikat dan perniagaan yang terkesan teruk.

Beta berharap inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang berjumlah RM260 bilion bagi melindungi kebajikan rakyat dan ekonomi negara akan segera dirasai impaknya. Pakej tersebut adalah suatu yang amat besar dan luar biasa. Justeru, ia perlu disokong sepenuhnya oleh semua pihak. Beta yakin dengan kerjasama dan kesepakatan yang jitu, cabaran yang kita hadapi ini akan dapat kita tangani bersama, *insya-Allah*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di sebalik usaha-usaha kerajaan, Beta juga berasa bimbang melihat polarisasi kaum yang masih wujud ketika ini. Pada hemat Beta, sebarang bentuk tindakan provokasi dan fahaman serta nilai yang bertentangan dengan norma, adat dan undang-undang perlu dibendung sebelum ia merebak dan menjadi barah kepada kestabilan negara.

Justeru, Beta menyambut baik pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara bagi memastikan agenda perpaduan nasional dapat diterapkan secara menyeluruh menerusi elemen-elemen kepercayaan dan jati diri yang teguh berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara.

Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan terus dipertahankan. Beta mahu Kerajaan mewujudkan pentadbiran agama Islam seperti yang dituntut dan selaras dengan ajaran Islam yang syumul dan dipacu oleh prinsip *Maqasid Syariah*. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta akan terus mempertahankan hak-hak penganut agama lain untuk terus bebas mengamalkan agama mereka secara berhemah dan aman.

Menyentuh aspek keselamatan negara, Beta berharap kerangka strategi dan dasar pertahanan masa depan negara perlu mengambil kira kepentingan diplomasi pertahanan, dasar luar negara yang pragmatik, triti antarabangsa dan kedudukan geopolitik negara di rantau Asia Pasifik.

Peningkatan aktiviti ketenteraan kuasa-kuasa besar dunia di Laut Cina Selatan mutakhir ini wajar diberikan perhatian. Oleh kerana itu, Malaysia hendaklah sentiasa peka kepada domain maritim negara di samping terus merangka strategi untuk mendukung aspirasi geopolitik negara.

Pada masa yang sama, tahap keselamatan dalam negara hendaklah terus dipertingkatkan terutamanya dalam menangani pelbagai jenayah, penyalahgunaan dadah, penyeludupan dan juga pemerdagangan manusia.

Selain itu, kerajaan hendaklah juga merangka pendekatan yang komprehensif dalam menangani kemasukan pendatang asing tanpa izin yang

boleh menimbulkan pelbagai masalah daripada aspek ekonomi, sosial dan keselamatan negara. Sempadan negara yang terbuka luas perlu terus diperkukuhkan dalam usaha mengekang laluan rentas sempadan pendatang asing tanpa izin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta akan terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi merencanakan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat. Ke arah ini, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, akan menjadi pencetus kepada hala tuju baharu pembangunan negara. Wawasan ini bermatlamat supaya segenap lapisan rakyat dapat mengecap taraf hidup wajar dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama serta inklusif. Selain itu, jurang ekonomi dan pembangunan antara kelas pendapatan, wilayah, etnik dan rangkaian bekalan akan dirapatkan.

Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah merupakan fasa pertama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Beta yakin dasar dan strategi rancangan tersebut akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

Kerajaan Beta akan terus mempermudah urusan perniagaan bagi meningkatkan aktiviti pelaburan. Hal ini termasuk mengemas kini undang-undang, proses kelulusan dan insentif sedia ada. Beta menyeru agar proses kelulusan terutamanya projek berimpak tinggi hendaklah ditambah baik agar ianya cekap dan pantas bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti.

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, Beta menyambut baik dasar untuk mewujudkan ekosistem dan pembangunan prasarana yang menyokong industri negara. Sumber pertumbuhan baharu yang berkembang pesat seperti teknologi 5G, kecerdasan buatan, *Internet of Things* dan analitis data raya akan diperhebat. Beta menggesa pemain industri agar turut sama mempergiat usaha sebagai pelengkap kepada inisiatif yang dibawa oleh kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, termasuk dalam bidang keusahawanan yang menjadi antara nadi utama pembangunan ekonomi negara. Beta menyambut baik strategi dan inisiatif bagi membangunkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030.

Untuk memastikan negara sentiasa di hadapan dalam pelbagai bidang, kemajuan Revolusi Industri 4.0 dan kolaborasi dengan pelbagai pihak

hendaklah dimanfaatkan untuk meningkatkan akses dan kesaksamaan pendidikan, khususnya pendidikan di era pasca Covid-19 yang bakal berhadapan dengan kelaziman baharu, atau *the new normal*.

Beta berharap pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi akan terus dipertingkatkan agar dapat melahirkan modal insan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Beta juga amat menyokong pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, atau TVET untuk mempersiapkan golongan belia menghadapi cabaran baharu alam pekerjaan.

Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk merapatkan jurang pembangunan dan ekonomi antara negeri dan wilayah. Ia merangkumi usaha untuk meningkatkan mobiliti rakyat dengan menambah baik rangkaian dan infrastruktur asas serta pengangkutan.

Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang pembangunan di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Beta telah mengambil langkah menerusi pelaksanaan projek-projek infrastruktur kritikal di kedua-dua negeri tersebut. Beta berharap rakyat di Sabah dan Sarawak akan dapat menikmati jaringan perhubungan dan kemudahan yang berkualiti dan lebih baik. Kawasan pedalaman di Semenanjung juga akan terus diberi perhatian yang sama terutamanya di penempatan masyarakat Orang Asli.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perkembangan terkini menunjukkan lebih dua pertiga rakyat Malaysia tinggal di bandar, justeru, kesejahteraan masyarakat bandar akan terus dipertingkatkan. Bagi meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan Beta telah merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara dan mewujudkan Skim Sewa Milik. Melalui inisiatif tersebut diharap lebih ramai golongan B40 dan M40 serta golongan belia yang berkelayakan dapat memiliki kediaman sendiri.

Sebagai kerajaan yang prihatin, masalah kos sara hidup rakyat akan terus ditangani dengan sebaik mungkin. Pelbagai langkah dan inisiatif akan dilaksanakan dan terus ditambah baik untuk membantu rakyat menangani isu kos sara hidup. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata terutamanya kanak-kanak, wanita, warga emas yang rentan, orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan.

Bagi memperkukuh perlindungan dan hak kanak-kanak pula, usaha diambil bagi memastikan mereka tidak dieksploitasi dalam apa-apa bentuk dan

pada masa yang sama potensi penuh mereka dapat direalisasikan. Beta juga menyambut baik penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial yang akan memberi dimensi baharu kepada landskap sosial negara. Dalam pada itu, belia pula perlu terus dibimbing agar tidak terlibat dengan gejala negatif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta akan meneruskan usaha untuk membangunkan industri komoditi berasaskan pertanian dan juga meningkatkan permintaan pasaran dan jaminan sekuriti makanan negara.

Kerajaan Beta turut beriltizam untuk terus meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan yang saksama kepada rakyat. Perkhidmatan kesihatan akan di perkasa dengan menjurus kepada pencegahan dan perawatan secara holistik termasuk kepada masyarakat luar bandar, Orang Asli serta peribumi di Sabah dan Sarawak.

Beta menyeru supaya Malaysia terus komited dalam usaha mengetengahkan isu alam sekitar dan perubahan iklim di samping terus mempergiatkan usaha untuk memulihara sungai, hutan, hidupan liar dan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca serta meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu. Pemeraksanaan undang-undang alam sekitar, aktiviti penguatkuasaan dan kerjasama erat semua pihak termasuk negara serantau perlu terus dilaksanakan.

Sungguhpun Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dibatalkan ekoran penularan wabak Covid-19, usaha-usaha bagi memulihkan sektor pelancongan negara hendaklah diteruskan. Pada masa yang sama, pemain industri pelancongan hendaklah berusaha untuk memperkukuhkan produk dan pakej pelancongan serta menjaga infrastruktur sedia ada bagi mengembalikan semula kecemerlangan sektor pelancongan negara.

Sebagai tuan rumah Persidangan APEC 2020, Malaysia akan menggalas tanggungjawab besar dalam menentukan hala tuju APEC khususnya dalam membentuk landasan baru kerjasama ekonomi serantau pasca Covid-19. Beta percaya Kerajaan Beta akan dapat memberikan kepimpinan yang berkesan ke arah usaha tersebut dan juga merencana wawasan baharu APEC bagi menggantikan Matlamat Bogor yang akan berakhir pada tahun ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, natijahnya, apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu dengan amalan rasuah. Justeru,

pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.

Beta menggesa agar Kerajaan Beta untuk terus komited dalam melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional. Beta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta amat menghargai taat setia dan sumbangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta agensi-agensi Kerajaan yang telah mencurahkan khidmat bakti dalam usaha memajukan negara sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur dan disegani.

Beta menyeru agar amanah dan tanggungjawab yang dijunjung dalam berbakti kepada negara dan rakyat jelata hendaklah terus dilaksanakan dengan sebaiknya secara profesional dan neutral tanpa mengira kaum, agama mahupun kedudukan. Pada masa yang sama, Beta menyeru agar rakyat jelata terus memberikan kerjasama kepada Kerajaan Beta bagi meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara. Beta yakin, kerajaan sahaja yang mampu melahirkan Malaysia yang stabil, aman dan sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Beta mengakhiri Titah ini, Beta ingin berpesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekaliannya. Sebagai seorang pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat. Perbezaan pendapat tidak seharusnya diakhiri dengan permusuhan dan caci mencaci. Sebaliknya, perbezaan pendapat seharusnya menjadi landasan kepada pencetus idea-idea baharu untuk membangun dan menyatupadukan negara dan bukan sebaliknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa mempamerkan kematangan dalam berpolitik [*Tepuk*] Ini termasuklah menjiwai keluh kesah rakyat, membela nasib rakyat, berpegang kepada prinsip keadilan, membudayakan politik yang bersih, tidak menyentuh sensitiviti agama dan bangsa [*Tepuk*] ...mahupun kedaulatan serta kedudukan Raja-Raja Melayu. [*Tepuk*] Beta ingin menasihatkan supaya tidak mengheret negara sekali lagi ke kancah politik yang tidak menentu [*Tepuk*] ...ketika rakyat jelata masih

berhadapan dengan pelbagai masalah dan masa depan yang sukar akibat pandemik Covid-19 [Tepuk] Kerana itulah, Kerajaan Beta juga telah memutuskan Majlis Mesyuarat Pertama yang berlangsung pada hari ini hanya mempunyai satu urusan majlis sahaja [Tepuk] ...iaitu Titah Beta sempena pembukaan Penggal Parlimen yang baharu ini.

Beta yakin, rakyat akan terus erat bersatu-padu dan sepakat dalam membangunkan negara jika rakyat tidak disogok dengan api permusuhan dan perpecahan. Sesungguhnya biarlah perpaduan dan keharmonian bermula di dalam Dewan yang mulia ini [Tepuk]

Kepada rakyat jelata sekalian, teruskan menjaga kesihatan diri dan keluarga serta persekitaran setempat. Hindari daripada berhimpun secara ramai, dan terus mengamalkan penjarakan sosial. Mudah-mudahan Malaysia akan berjaya menangani pandemik Covid-19 ini dengan jayanya [Tepuk]

Mengakhiri Titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga Malaysia serta rakyatnya akan terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* dengan taufik dan hidayah, aman sentosa serta hidup bersatu padu di bawah lindungan-Nya. Selamat berpuasa dan teruskan amalan ibadah dan jangan lupa membayar zakat, dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin. Ikhlas daripada Beta, Raja Permaisuri Agong dan keluarga [Tepuk]

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* [Tepuk]

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.50 pagi]

[Doa Selamat dibacakan oleh Al Fadhil Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni]

[Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat meninggalkan Majlis Parlimen]

[Mesyuarat disambung di Dewan Negara pada pukul 11.57 pagi]

[Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara **mempengerusikan Mesyuarat**]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DIPERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita sambung, so tiada doa... *[Merujuk kepada Majlis Istiadat Pembukaan Parlimen Ke-14 di Dewan Rakyat yang baharu selesai]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa bangga dan terharu kerana dapat bersama-sama dengan Yang Berhormat sekalian pada hari ini setelah sekian lama di kala negara kita dicabar dengan ancaman wabak Covid-19. Ramai daripada kita telah mengadaptasi kepada normal baharu ini dan saya yakin dengan berkat Yang Maha Esa, kita akan mengatasi rintangan ini dengan jayanya.

Saya juga ingin menyampaikan salam takziah kepada semua yang kehilangan keluarga tercinta dalam malapetaka yang tidak diduga ini.

Kepada yang sakit, saya doakan supaya sembuh dan kembali sihat secepat mungkin.

Terima kasih dan tahniah kepada semua yang akur dengan arahan kerajaan dan berjaya mengurangkan bilangan kes dan kadar kematian. Penghargaan khas saya majukan kepada kumpulan *frontliners* yang telah mengambil risiko dan bertungkus-lumus menangani virus tersebut.

Mahupun kita semua maklum bahawa impak Covid-19 ini tidak hanya menjurus kepada tahap kesihatan sahaja tetapi juga menjejaskan perkembangan ekonomi. Yakinlah bahawa dengan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang rapi oleh pihak kerajaan digandingkan dengan kecekalan kita, negara akan kembali makmur dan maju dalam masa terdekat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk saya berundur sudah tiba walaupun ada sebulan lagi sebelum tamat tempoh saya sebagai Senator, dan yang di-Pertua Dewan Negara

Saya masih ingat, empat tahun yang lepas, pada tanggal 26 April 2016, saya telah diamanahkan satu tanggungjawab yang teramat besar. Saya berasa amat bersyukur apabila dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-17, dalam 60 tahun sejarah Dewan Negara.

Saya berterima kasih kepada mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Keenam, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana menaruh kepercayaan dan keyakinan terhadap kewibawaan saya untuk memimpin Dewan yang mulia ini bagi dua penggal yang lengkap.

Jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah suatu yang saya sanjung tinggi, dan saya mengaku tugas ini bukanlah sesuatu yang mudah, jika tiada persiapan atau persediaan yang memadai untuk merangkul tanggungjawab yang sebegini besar.

Untuk menjadi seorang Yang di-Pertua yang adil dan saksama, saya telah meluangkan masa untuk menelaah Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat berkaitan, serta mendapatkan khidmat nasihat undang-undang dari semasa ke semasa. Bak kata pepatah, "Jika tidak dipecahkan ruyung, di mana boleh mendapat sagu".

Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawasanya ramai antara Ahli-ahli Berhormat di Dewan yang mulia ini termasuk saya, telah memainkan peranan yang penting dalam persidangan anjuran pertubuhan-pertubuhan berpaksikan Parlimen serantau seperti *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA), *Inter-Parliamentary Union* (IPU), *Asia Pacific Parliamentary Forum* (APPF), *ASEAN Inter-Parliamentary Association* (AIPA), *Conference of the Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth* (CSPOC), dan mereka yang sempat mengikut saya ke luar negara, pasti faham akan cara saya. Kebiasaannya, *it's all work and no play*.

Antara tugas rasmi luar negara yang telah menambat hati saya adalah *Commonwealth Head of Government Meeting* (CHOGM) yang berlangsung di London, *United Kingdom* pada April 2018. Berbeza dari kelaziman, saya telah dilantik mewakili Perdana Menteri sebagai Ketua Delegasi Malaysia- *Head of State* di Mesyuarat Ketua-Ketua Negara yang melibatkan 54 buah negara dengan penduduk hampir satu pertiga daripada jumlah penduduk dunia.

Sejarah dilakar apabila saya menjadi pemimpin masyarakat India yang pertama mewakili Perdana Menteri selaku Ketua Perwakilan Malaysia di CHOGM. Terima kasih Datuk Seri Najib Tun Razak, dan Kerajaan Barisan Nasional untuk peluang ini.

Di samping itu, ada banyak sejarah untuk pertama kali berlaku sejak saya dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Sebagaimana

termaklum, saya adalah Yang di-Pertua Dewan Negara yang pertama daripada parti pembangkang [*Tepuk*]

Maka dalam kesempatan ini juga, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah membenarkan saya untuk menerajui Dewan ini tanpa sebarang gangguan. Amalan demokrasi, Keutuhan Perlembagaan, dengan izin, *separation of powers*, dan integriti institusi Parlimen telah memberi ruang untuk saya meneruskan kewajipan saya di ambang tsunami politik pada ketika itu.

Sering kali saya pernah menyebut dan memperingatkan Yang terhormat sekalian bahawa Dewan Negara mengamalkan *status quo* dan tidak terjejas oleh keputusan pilihan raya dan kita semua selaku Ahli Dewan tertinggi ini juga harus mengguna pakai prinsip yang sama apabila meluluskan undang-undang. Tidak kira parti mana kita wakili, mahupun komponen kerajaan atau pembangkang, peranan Senat haruslah jelas, dan *stand alone*.

Saya sendiri telah melalui satu masa yang mencabar apabila memegang dua jawatan yang penting selaku Presiden Dewan Negara, dan Presiden MIC, tetapi tidak pernah pada bila-bila masa saya menyalahgunakan Kerusi ini untuk kepentingan politik [*Tepuk*]

Sepanjang tempoh memegang jawatan ini, saya masih aktif dalam politik, tetapi hakikatnya, saya sentiasa berpegang teguh kepada prinsip 'tidak berat sebelah' dalam mengurus Dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama, mana-mana keputusan saya dalam Dewan yang mulia ini adalah berasaskan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat, Dewan. Kewajarannya adalah untuk memastikan Kerusi yang saya duduki ini akan sentiasa dihormati.

Dalam keadaan sebegini, demi untuk menjaga kepentingan rakyat dan mempertahankan kemuliaan serta kedaulatan Parlimen, dua tonggak yang Dewan Negara pertahankan ialah ciri-ciri kita sebagai *nonpartisan and more independent*, berbanding dengan Dewan Rakyat.

Saya sesungguhnya berpendapat, dengan izin, *the pride of the Upper House* adalah prinsip tanpa kecenderungan politik kepartian yang sememangnya menjadi DNA Dewan yang mulai ini

Kita tidak pernah membazir masa berbincang hal politik, malah telah mendedikasikan masa yang emas untuk memperhalusi rang undang-undang. Mungkin sebab inilah Dewan Negara bersidang lebih singkat berbanding dengan Dewan Rakyat.

Saya juga berbangga kerana di bawah pengurusan saya, retorik Dewan Negara sebagai “*rubber stamp*”, dan “*backdoor access*” berjaya disangkal [*Tepuk*] Seluruh negara dikejutkan apabila Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018, dan Rang Undang-undang GST (Pemansuhan) 2018 diluluskan oleh Dewan Negara yang dimonopoli pihak pembangkang.

Satu lagi insiden yang wajar disebut, luar daripada norma, Dewan Negara telah menolak usul pemansuhan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018, selepas dibacakan buat Kali Kedua. Walaupun itu bukan kali pertama Dewan Negara tolak usul kerajaan, ia merupakan satu petanda jelas bahawa *Dewan Negara is not a mere rubber stamp!*

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan pelaksanaan agenda reformasi Parlimen, buat pertama kali dalam sejarah negara kita, institusi perundangan kita jelas berada di tempat yang lebih baik daripada dua tahun yang lalu.

Dalam rangka meningkatkan lagi fungsi Parlimen Malaysia, pembentukan Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara dilihat sebagai satu usaha untuk mengukuhkan fungsi sebenar Dewan Negara, dan seterusnya memenuhi potensi objektif penubuhan Dewan Negara.

Parlimen sekali lagi melakar sejarah dengan tertubuhnya Kaukus Dewan Negara iaitu yang pertama di negara ini [*Tepuk*] Penubuhan kaukus ini dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara.

Satu lagi usaha murni yang giat diperjuangkan di bawah Agenda Reformasi Parlimen adalah mengesyorkan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Sesungguhnya inisiatif pembaharuan Dewan Negara hanya bertujuan untuk memastikan Senat memenuhi potensi atau cita-cita yang dimaksudkan. Oleh itu, usaha mulia pembaharuan ini adalah jelas, iaitu untuk memperbaiki dan memantapkan Dewan Negara demi untuk memainkan peranan menyemak dan mengimbang dengan lebih padu dan efektif.

Inilah yang sering saya suarakan agar semua inisiatif di bawah Agenda Reformasi Parlimen dapat diterjemahkan ke arah meningkatkan reputasi Parlimen sebagai institusi yang mempertahankan kepentingan rakyat dan menjunjung nilai-nilai demokrasi. Seandainya kita berhasil dan berjaya dalam Agenda Reformasi Parlimen, saya pasti ini akan memperhebatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sistem Demokrasi Berparlimen negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin dan Kerajaan Perikatan Nasional atas kejayaan mengawal penularan wabak Covid-19 dan mengemudi pentadbiran negara dengan begitu efisien dalam menghadapi bencana ini.

Walaupun baru mengambil alih tampuk pemerintahan, pendekatan mantap diambil oleh kerajaan untuk menangani wabak Covid-19 di Malaysia mendapat penghargaan dan pengiktirafan dunia. Kejayaan Malaysia berada pada aras lima peratus lebih baik berbanding tanda aras 10 peratus yang ditetapkan WHO. Kebanyakan negara hanya berjaya dalam saringannya antara enam hingga tujuh peratus.

Pola penurunan dalam kes baharu secara drastik dan angka kematian dalam negara, jelas menunjukkan usaha kerajaan mengawal dan membendung Covid-19 membuahkan hasil. Semoga kita mencapai tahap *zero Covid-19* dalam masa yang terdekat.

Covid-19 telah mengajar kita semua untuk menghargai pemberian Tuhan Yang Maha Esa, dan juga kepentingan *unity in diversity*. Sepertimana kita semua telah berganding bahu di kala menghadapi ancaman, nilai perpaduan ini harus diterap dalam sanubari kita pada setiap masa. Janganlah kita memberi ruang kepada sentimen perkauman untuk mengaburi mata dan menghancurkan apa yang kita telah bina selama ini. Keharmonian dan kemakmuran negara di tangan kita semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang beragama Islam di negara ini. Sambutlah Hari Raya ala normal baharu semeriah mungkin bersama keluarga tanpa mengkompromikan faktor keselamatan. Pengorbanan sebegini ada hikmahnya. Semoga keharmonian serta rasa kasih sayang sesama insan yang telah kita semai selama ini terus terpelihara. Maaf, zahir dan batin.

Kepada rakan-rakan seperjuangan saya, sekali lagi jutaan terima kasih kepada semua Senator yang telah berkhidmat dalam Dewan ini di bawah kepimpinan saya.

Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan Dewan Negara di kedudukan pada masa ini.

Banyak cabaran dan kejayaan telah kita harungi bersama dan ianya akan kekal dalam lipatan sejarah Dewan yang mulia ini untuk selamanya. Dan

diharap pertemuan kita tidak akan berakhir di sini, sebaliknya akan terus berkembang subur dan menguatkan lagi ikatan silaturahim di masa-masa akan datang.

Saya berharap saya akan diterima sebagai ahli Majlis Senator di negara ini kelak... *[Disampuk] [Tepuk]* Jadi kalau sambunglah lima tahun lagi *[Ketawa]*

Tidak lupa juga dengan 'ayahanda' saya, YB Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abdul Samad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang sentiasa memberi inspirasi kepada saya dalam menjalankan tanggungjawab saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara *[Tepuk]* Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri.

Dengan izin, *every beginning has its end*. Memandangkan saya sentiasa menganggap jasa dan sumbangan kepada negara adalah satu kewajipan saya sebagai warganegara di tanah air bertuah ini, empat tahun yang lepas ini adalah satu perjalanan yang indah bagi saya.

Sekiranya Yang Maha Esa memutuskan supaya saya terus menyumbang, saya yakin, dengan izin, *the journey will continue on another platform*. Sehingga itu, masa telah tiba untuk saya berundur, dan tahniah saya ucapkan kepada Ahli Berhormat yang bakal mengambil alih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Besarliah harapan saya agar Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu akan dapat meneruskan usaha-usaha murni dan menegakkan "prinsip berkecuali" Dewan Negara serta terus memperkasakan Dewan yang saya cintai ini.

Saya ingin merakamkan beberapa pencapaian saya yang bersejarah yang mungkin akan menjadi rekod dan kekal selama-lamanya tanpa dicabar-cabar oleh mana-mana Yang di-Pertua Dewan Negara yang akan datang.

Dengan rasa bangga saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya telah berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara di bawah naungan tiga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tiga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tiga gabungan Parti Kerajaan *[Tepuk] [Ketawa]*

Selamat maju jaya saya ucapkan kepada bakal Speaker.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin yang saya hormati sekalian. Akhir kata daripada saya, saya mendoakan agar Parlimen Malaysia akan terus maju dan cemerlang pada masa hadapan, dan seterusnya berupaya mencapai

matlamat menjadi institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, Setiausaha Dewan Negara yang baharu, Yang Berusaha Encik Muhd Sujairi, pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara, Bentara-bentara, Bahagian Keselamatan Parlimen, dan kepada keseluruhan warga Parlimen yang memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menjayakan perjalanan urusan Dewan Negara secara teratur dan baik.

Akhir sekali, semoga Ahli-ahli Yang Berhormat selamat pulang ke pangkuan keluarga masing-masing, dan juga sentiasa mengamalkan jarak sosial antara satu sama lain demi mengelakkan wabak jangkitan Covid-19. *Stay safe always.*

Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menangguhkan persidangan hari ini ke satu tarikh yang tidak ditentukan.

Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 12.17 tengah hari]